

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd
Harun Narrashid
[Kota Tinggi]**

TARIKH : 09.06.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 169

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah pencapaian agensi-agensi seperti RISDA, FELCRA, KEJORA dan KESEDAR telah melaksanakan dasar transformasi Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian ini turut berperanan dalam melaksanakan dasar Transformasi Kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP). Melalui Program GTP, Kementerian ini telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan inisiatif *Rural Basic Infrastructure* (RBI) di bawah *National Key Result Area* (NKRA) iaitu penyediaan jalan raya yang berturap/jalan kelikir, bekalan air bersih yang terawat, peningkatan akses 24 jam kepada bekalan tenaga elektrik dan membina serta membaik pulih rumah penduduk luar bandar dari golongan miskin dan miskin tegar. Manakala melalui Program ETP pula, Kementerian ini melaksanakan Program Tanam Semula dan Tanam Baru di bawah *National Key Economy Area* (NKEA) Getah dan Program Ladang Buah/Sayur Berskala Besar di bawah NKEA Pertanian yang membuka peluang pendapatan dengan menyasarkan untuk membentuk ekonomi luar bandar yang berdaya maju di samping peluang pendapatan yang menarik.

Selain pelaksanaan di Kementerian ini sendiri, RISDA, KEJORA dan KESEDAR yang turut terlibat dalam melaksanakan projek-projek khusus di bawah GTP dan ETP, manakala FELCRA Berhad tidak melaksanakan projek-projek khusus di bawah kedua-dua inisiatif ini.

RISDA adalah sebagai Agensi Tunggal dalam Peneraju Pembangunan Pekebun Kecil manakala KEJORA bertindak sebagai pelaksana di kawasan Wilayah Johor Tenggara. KESEDAR pula memainkan peranan dalam menangani isu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat di antara Kelantan Selatan dan Kelantan Utara.

Perincian pencapaian agensi-agensi berkenaan adalah seperti di lampiran.

PROGRAM	AGENCI PELAKSANA KKLW	PERUNTUKAN (RM)	PENCAPAIAN 2011-2013		CATATAN
			PENERIMAFEAEDAH (ORANG)	KELUASAN (HA / UNIT)	
Program Bantuan Rumah (PBR)	RISDA	55 juta	2,687 keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • 869 unit bina baru • 1,818 unit baik pulih 	PBR untuk Pekebun Kecil
	KEJORA	6.9 juta	397 peserta	<ul style="list-style-type: none"> • 106 projek bina baru • 291 projek baik pulih 	PBR untuk penduduk Wilayah Johor Tenggara
	KESEDAR	22.14 juta	4,057 keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • 284 unit bina baru • 3,773 unit baik pulih 	PBR untuk penduduk di antara Kelantan selatan dan Kelantan Utara

PROGRAM	AGENCI PELAKSANA KKLW	PERUNTUKAN (RM)	PENCAPAIAN 2011-2013		CATATAN
			PENERIMAFEAEDAH (ORANG)	KELUASAN (HA / UNIT)	
Projek Ladang Buah Berskala Besar (EPP 7)	RISDA (Agropolitan Chemomoi, Bentong, Pahang)	4.54 juta	64 orang peserta	200 ekar	Pekerja menerima gaji sebanyak RM1,200 – 1,500 sebulan
	KEJORA (Kg Tuan Seh Sedili Kecil, Kota Tinggi, Johor)	4.0 juta	100 orang pekerja	307.75 ekar	
NKEA Getah Tanam Semula	KESEDAR	63 juta	930 peneroka	4,300 hektar	
	RISDA	191 juta	122,400 orang	36,601 hektar	
NKEA Getah Tanam Baru	RISDA	5.15 juta	122,400 orang	3,039 hektar	Produktiviti mencapai 1,671kg/hek

PROGRAM	AGENCI PELAKSANA KKLW	PERUNTUKAN (RM)	PENCAPAIAN 2011-2013		CATATAN
			PENERIMAFEAEDAH (ORANG)	KELUASAN (HA / UNIT)	
Infrastruktur Oleh KESEDAR	Jalan Perhubungan Desa	6.04 juta	32,078 penduduk tempatan	Membina baru dan menaiktaraf sepanjang 64.3 km jalan	Sebanyak 78 buah penempatan terlibat
	Jalan Pertanian	7.85 juta	16,150 penduduk tempatan	Menaiktaraf sepanjang 253 km jalan	Sebanyak 75 buah penempatan terlibat
	Bekalan air	13.26 juta	19,983 penduduk	Menaiktaraf sistem bekalan air	Sebanyak 35 buah penempatan terlibat